

## SOUTHERN PREMIX JALANKAN PROGRAM CSR PADA BULAN RAMADHAN



Southern Premix Sdn Bhd telah mengerakkan inisiatif CSR mereka melalui satu Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan bersama-sama warga Kg Rahmat, Pulai Johor pada 18 Julai 2013. Majlis tersebut telah dilangsungkan di perkarangan Masjid Jamek Nurhidayah, Kg Rahmat tersebut. Hadir untuk merasmikan majlis adalah YBhg Dr Wan Ahmad Rudirman Wan Razak, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, SELIA Group. YBhg Dr Wan serta En. Muhamad Rais Ismail, COO Southern Premix telah menyampaikan bantuan dan sumbangan kepada golongan yang kurang bernasib baik iaitu dari kalangan anak-anak yatim, kanak-kanak istimewa, Sekolah Rendah Agama dan warga emas di Kg Rahmat ini.

Di samping itu sumbangan untuk tanggungan kos perubatan anak perempuan kepada salah seorang warga kerja Southern Premix iaitu Encik Mohd Firdhaus Abdullah, turut disampaikan pada majlis tersebut.

Semoga segala sumbangan dan usaha murni dari Southren Premix ini dapat meringankan sedikit beban kepada para penerima pada majlis tersebut.

